

**UPM**Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia[UTAMA](#) | [FAKTA & ANGKA](#) | [MEDIA](#) | [DIREKTORI KAKITANGAN](#) | [LOKASI](#) | [PETA LAMAN](#) | [SOALAN LAZIM](#) | [HUBUNGI KAMI](#)

CARI

[Maklum Balas Laman Web](#)

Selasa, September 04, 2012

[MENGENAI KAMI](#)[PENYELIDIKAN](#)[AKADEMIK](#)[JARINGAN](#)[ANTARABANGSA](#)[KEHIDUPAN KAMPUS](#)[PERKHIDMATAN](#)[| A- | A | A+ | ENGLISH](#)Berita » [4,258 pelajar baharu program Bachelo mendaftar di UPM](#)

**SERDANG, 1 September** – Seramai 4,258 pelajar baharu program Bachelo mendaftar di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi sesi akademik 2012/2013 pada 1 dan 2 September baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata daripada jumlah itu, 2,958 ialah pelajar perempuan dan 1,300 ialah pelajar lelaki.

“Selain daripada jumlah itu, seramai 61 pelajar antarabangsa yang turut mendaftar bagi program bachelo adalah dari negara China, Amerika Syarikat, Iraq, Brunai, Kenya, Iran, Somalia, Mauritius, Sri Lanka, Palestin, India, Yemen, Nigeria, Sudan dan Jordan,” katanya pada sidang media Pendaftaran Pelajar Baharu Semester Pertama Sesi 2012/2013 UPM di sini.



Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi yang melakukan tinjauan pendaftaran di beberapa kolej kediaman berkata kemasukan pelajar antarabangsa adalah salah satu usaha bagi mengantarabangsakan taraf pendidikan UPM.

Turut mendaftar ialah seramai 36 atlet kebangsaan dari Majlis Sukan Negara yang terdiri daripada skuad elit memanah, hoki, menembak dan pemain bola sepak Harimau Muda antaranya pemain hoki wanita ke Sukan Asia, Nor Hidayah Ahmad Bokhari; atlet memanah Sukan Asia, Arif Farhan Ibrahim Putra dan dua atlet sukan SEA dalam acara menembak iaitu Noor Izzati Jasni dan Shahira Abdul Halim.



[RSS](#) | [Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Notis Hakcipta](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | Jumlah Pelawat : 1564906  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768

@2012 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 04 Sep 2012

